

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan halangan-halangan kepada peranan Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam. Setelah itu, penulis mengemukakan cadangan bagi mencari penyelesaian terhadap halangan-halangan tersebut sebagai usaha mengoptimumkan peranan Skim Dana Wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

6.2 Analisis Halangan Peranan Skim Dana Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam di Pulau Pinang

Menyentuh mengenai halangan kepada Skim Dana Wakaf dalam memainkan peranan membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang, penulis memfokuskan kepada halangan dalam pengurusan pentadbiran, kutipan dan agihan Skim Dana Wakaf. Ketiga-tiga aspek ini amat penting dalam mencapai matlamat penubuhan Skim Dana Wakaf untuk membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

6.2.1 Analisis Halangan Pengurusan Pentadbiran Skim Dana Wakaf

Pengurusan pentadbiran Skim Dana Wakaf pada masa ini, hanya mempunyai seorang kakitangan yang dikhaskan bagi menguruskan pembangunan Skim Dana Wakaf tersebut. Beliau ditugaskan bagi merancang, melaksanakan promosi dan juga

menjalankan kutipan. Walaupun tugas merancang nampak mudah, namun memerlukan pemerhatian dan penyelidikan bagi memastikan perancangan yang dilaksanakan mendatangkan hasil yang memberangsangkan. Tambahan pula, sebagai pengurus Skim Dana Wakaf, beliau turut bertanggungjawab untuk menjalankan rundingan bagi memperluaskan promosi dan kemudahan Skim Dana Wakaf kepada orang ramai¹. Justeru, pembahagian kerja yang tidak seimbang dalam pengurusan Skim Dana Wakaf akan membataskan perkembangan MAINPP dalam mengendalikan harta wakaf tersebut, ini berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain terhadap pengurusan harta wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia².

6.2.2 Analisis Halangan Metod Kutipan Skim Dana Wakaf

Pengalaman Jawatankuasa Skim Dana Wakaf sehingga kini menunjukkan bahawa prestasi kutipan adalah memuaskan di mana jumlah kutipan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Usaha memperluaskan kemudahan kepada orang ramai untuk menyertai Skim Dana Wakaf juga dititikberatkan. Namun demikian halangan dalam mengumpulkan kutipan perlu diberikan perhatian yang lebih serius dan dicari penyelesaiannya³.

¹ Ahmad Syah Firafizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

² Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), "Konsep dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari di Malaysia: Saham Wakaf dan Wakaf Saham", (Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 (SEIPK '09) di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur, pada 10-11 Februari 2009), h.1-16; Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 6, h.105-154; Zainal Abidin Jaafar (1999), "Pengurusan Wakaf di Wilayah Persekutuan: Amalan dan Perancangan" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil 4, h.43-64; Mohd Yusof Yahya (1999), "Pengurusan Wakaf di Perak" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil 5, h.65-104; Abu Bakar Manat (2007), "Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Putrajaya : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), jil. 1, 1(5), h.53-72

³ Ahmad Syah Firafizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan pemasaran Skim Dana Wakaf tidak dijalankan secara konsisten mahupun berskala. Sedangkan aspek pemasaran juga penting bagi menghebahkan dan mempromosikan Skim Dana Wakaf kepada orang ramai untuk menyertainya⁴. Masalah pengurusan pemasaran yang dipandang ringan akan menyebabkan kepincangan dalam usaha membangunkan harta wakaf. Ini disokong dengan kajian Ahmad Zaki Abd. Latiff yang telah membuktikan bahawa pengurusan pemasaran berhubungkait dengan pembangunan harta wakaf pendidikan⁵.

6.2.3 Analisis Halangan Agihan Skim Dana Wakaf

Tidak dapat dinafikan, Skim Dana Wakaf berperanan dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Namun begitu, penulis mendapati antara halangan kepada agihan Skim Dana Wakaf adalah tiada perancangan atau sasaran pembangunan tertentu yang digariskan sebagai halatuju agihan Skim Dana Wakaf. Perancangan atau sasaran pembangunan yang spesifik ini penting sebagai motivasi dalam bekerja dan memastikan agihan dilaksanakan selari dengan matlamat penubuhan Skim Dana Wakaf sendiri. Selain itu juga, perancangan atau sasaran pembangunan ini dapat menarik minat orang ramai dan meyakinkan mereka untuk menyertai Skim Dana Wakaf⁶.

6.3 Cadangan Penambahbaikan Peranan Skim Dana Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam di Pulau Pinang

Hasil kajian mendapati bahawa Skim Dana Wakaf berperanan dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Oleh yang demikian, penulis

⁴ *Ibid.*; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16

⁵ Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), "Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), jil.2, 2 (2), h.25-62; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, h.157-160


⁶ *Ibid.*; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16

mencadangkan penambahbaikan dalam aspek pengurusan pentadbiran, sistem kutipan dan sistem agihan Skim Dana Wakaf bagi meningkatkan peranannya agar menjadi lebih berdaya maju dan dapat melangkah lebih jauh dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

6.3.1 Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Pentadbiran Skim Dana Wakaf

Dalam aspek pengurusan pentadbiran, penulis mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan pengurusan pentadbiran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.1.

Rajah 6.1
Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Pentadbiran Skim Dana Wakaf



Sumber: Diubahsuai daripada pelbagai sumber⁷

Penulis mencadangkan agar MAINPP melantik beberapa kakitangan tetap yang profesional bagi membantu Pengurus Skim Dana Wakaf dan menggerakkan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang untuk Skim Dana Wakaf. Perancangan Jawatankuasa Skim Dana Wakaf untuk melantik 200 orang agen kutipan bagi menjual kupon sumbangan Skim Dana Wakaf juga dapat membantu kerja-kerja kutipan Skim Dana Wakaf. Ini kerana sebelum ini urusan mengutip dan mengumpulkan Skim Dana Wakaf diuruskan

⁷Ahmad Syah Firafizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010 dan Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16; Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), *op.cit.*, h.25-62; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.157-160; Shamsiah Abdul Karim (2010), "Contemporary *Shari'a* Compliance Structuring for the Development and Management of *Waqf* Assets in Singapore", *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 2-3 March 2010, h.143-164; Shamsiah Abdul Karim (2006), "Pengurusan dan Pembangunan Wakaf Di Singapura", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

sendiri oleh Pengurus Skim Dana Wakaf, yang mana menuntut beliau untuk berurusan di luar kawasan pejabat⁸.

Namun begitu pelantikan kakitangan-kakitangan tetap adalah lebih membantu bagi memikul bebas tugas yang banyak dengan lebih berkesan dalam pemasaran, perancangan dan pelaburan. Sebagai contohnya dalam bidang pemasaran, aktiviti pemasaran dan penerangan mengenai Skim Dana Wakaf dapat dijalankan secara konsisten dan menyeluruh, memandangkan kawasan liputan bagi Jawatankuasa Skim Dana Wakaf adalah seluruh negeri Pulau Pinang⁹.

Di samping itu, bagi memantapkan lagi pengurusan pentadbiran, penulis menyarankan agar MAINPP lebih menitikberatkan kepada kemahiran dan kepakaran kakitangan yang terlibat dalam pembangunan Skim Dana Wakaf. Kepakaran kakitangan dalam pelbagai bidang adalah diperlukan bagi menguruskan Skim Dana Wakaf, khususnya dalam bidang pelaburan dan pengurusan harta wakaf. Kemahiran dan kepakaran ini juga dapat dilatih menerusi kursus-kursus, atau menghadiri seminar-seminar atau persidangan yang berkaitan pembangunan harta wakaf agar kakitangan dapat mengetahui perkembangan pembangunan wakaf lalu merancang dan melaksanakan aktiviti yang mengikut arus perkembangan dan keperluan masyarakat semasa. Lawatan kerja ke institusi wakaf lain juga dapat membantu perkongsian idea antara institusi wakaf bagi meningkatkan usaha memperkembangkan peranan wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam¹⁰.

⁸ Ahmad Syah Firaifizal (2010), *Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang*. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

⁹ *Ibid.*; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.157-160; Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), *op.cit.*, h.25-62

¹⁰ *Ibid.*; Shamsiah Abdul Karim (2010), *op.cit.*, h.143-164; Shamsiah Abdul Karim (2006), *op.cit.*


Selain itu, bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan mutu perkhidmatan kakitangan dan pegawai MAINPP, program-program atau perancangan ke arah meningkatkan motivasi di kalangan kakitangan di MAINPP juga adalah penting. Kerjasama sepasukan terutamanya dalam memperbaiki mutu perkhidmatan dan memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dapat dicapai sekiranya usaha-usaha meningkatkan motivasi di kalangan kakitangan dilaksanakan. Sekiranya institusi pengurusan harta wakaf mempunyai kemampuan yang cukup dari segi tenaga kakitangan, kewangan, pengurusan dan kemahiran, maka institusi wakaf boleh berperanan dengan lebih luas dan efektif¹¹.

6.3.2 Cadangan Penambahbaikan Metod Kutipan Skim Dana Wakaf

Skim Dana Wakaf mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan. Justeru, bagi memantapkan lagi kutipan Skim Dana Wakaf, penulis mencadangkan beberapa penambahbaikan metod kutipan Skim Dana Wakaf. Rajah 6.2 menunjukkan cadangan penambahbaikan kutipan Skim Dana Wakaf.

¹¹ Osman Sabran (2002), *Pengurusan Harta Wakaf*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h.71

Rajah 6.2
Cadangan Penambahbaikan Kutipan Skim Dana Wakaf



Sumber: Diubahsuai daripada pelbagai sumber¹²

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penulis menyarankan agar Jawatankuasa Skim Dana Wakaf meletakkan jumlah sasaran yang spesifik sebagai matlamat jangka pendek yang hendak dicapai Skim Dana Wakaf bagi setiap tahun dalam tempoh lima dan sepuluh tahun akan datang. Sasaran pencapaian ini dapat dijadikan sebagai pengukur pencapaian atau *Key Performance Indicators (KPI)* kepada Skim Dana Wakaf, selain menyahut seruan kerajaan, pengukur ini dapat menjelaskan matlamat penubuhan Skim Dana Wakaf serta hala tuju pada masa depan.

¹²Ahmad Syah Firaizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010; Abdul Hamid Mar Iman (2006), "Pelaksanaan Sistem Teknologi Maklumat Dalam Pengurusan Harta Wakaf", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006); Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.157-160; Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), *op.cit.*, h.25-62; Kamaruddin Abdullah (2005), "Model Pengurusan Zakat: Kajian Perbandingan di Naggroe Aceh Darussalam dan Selangor Darul Ehsan", (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)); Lihat juga Djoko Kurniawan, "Program Reward dan Kesetiaan Pelanggan", <http://blog.the-marketeers.com/archives/program-reward-dan-kesetiaan-pelanggan.html>, 25 Januari 2011; Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, <http://www.amaf.gov.ae/amaf/Endowment%20Corner/Polarization%20%20Donations>, 10 November 2010

Selain itu, Jawatankuasa Skim Dana Wakaf mempunyai kelebihan memandangkan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan sistem pengurusan maklumat berkomputer yang bersepadu¹³. Maklumat-maklumat penyumbang yang dikumpulkan mengikut usia, syarikat atau jabatan dan nilai sumbangan adalah penting bagi pengurusan dana wakaf. Maklumat ini juga seharusnya digunakan bagi mengatur strategik yang bersesuaian bagi memastikan penglibatan semua masyarakat Islam daripada pelbagai lapisan masyarakat, latar belakang pekerjaan, dan usia penyumbang yang menyumbang kepada dana wakaf ini. Dengan data ini, strategik dan usaha dapat diatur dan dapat disampaikan kepada golongan sasaran¹⁴.

Manakala dalam aspek pemasaran, Jawatankuasa Skim Dana Wakaf perlu mempergiatkan aktiviti promosi dan hebahan kepada masyarakat dengan lebih aktif. Ini dapat dijalankan antaranya dengan mengadakan poster dan papan tanda iklan sekitar Pulau Pinang, memperluaskan iklan di media elektronik (radio, televisyen dan laman web), selain menyertakan borang penyertaan sumbangan Skim Dana Wakaf di majalah dan surat khabar. Kempen dan penerangan mengenai Skim Dana Wakaf juga perlu diperluaskan melalui masjid-masjid, pejabat-pejabat dan mengadakan Program Wakaf untuk memperkenalkan produk ini kepada masyarakat Islam¹⁵.

Selain itu, cadangan untuk mempelbagaikan produk menerusi Skim Dana Wakaf. Sebagai contohnya menjual cenderamata seperti kalendar, sambil menyumbang kepada Skim Dana Wakaf. Diandaikan kos sebuah cenderamata RM 5 dan ditambah dengan sumbangan bernilai RM 5 atau RM10, maka cenderamata itu dijual pada harga RM10

¹³ Ahmad Syah Firaizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

¹⁴ Abdul Hamid Mar Iman (2006), "Pelaksanaan Sistem Teknologi Maklumat Dalam Pengurusan Harta Wakaf", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006); Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.134-135

¹⁵ *Ibid.*; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.157-160; Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), *op.cit.*, h.25-62

atau 15 sebuah. Ini dapat menarik minat orang ramai untuk menyumbang dalam skim ini. Ini juga dapat dilaksanakan melalui produk-produk lain keluaran masyarakat Islam. Di samping itu, aktiviti-aktiviti atau program-program bagi mengekalkan kesetiaan penyumbang Skim Dana Wakaf juga dicadangkan agar dilaksanakan. Program-program galakan untuk terus menyumbang seperti ini dapat dilaksanakan baik dengan menghantarkan surat pemberitahuan aktiviti Skim Dana Wakaf Tahunan kepada penyumbang, mahupun kad ucapan bagi menghargai kesetiaan mereka. Kaedah ini turut dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor bagi menggalakkan pembayar zakat untuk terus membayar zakat di Majlis Agama Islam Negeri Selangor¹⁶.

Di samping itu, pelbagai kemudahan dan saluran pembayaran yang mudah diakses oleh orang awam sebagai penyumbang juga penting. Penyediaan tabung Skim Dana Wakaf dicadangkan agar disediakan di bangunan Kerajaan Negeri, pusat kesihatan-pusat kesihatan, pertubuhan-pertubuhan yang bekerjasama, stesyen-stesyen minyak, kompleks-kompleks membeli belah di sekitar Pulau Pinang seperti yang dilaksanakan oleh Awqaf and Minority Foundation (AMAF) di Dubai. Langkah ini secara tidak langsung, turut mempromosikan Skim Dana Wakaf kepada khalayak ramai¹⁷.

6.3.3 Cadangan Penambahbaikan Agihan Skim Dana Wakaf


Hasil kajian mendapati Skim Dana Wakaf berperanan dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Namun beberapa cadangan penambahbaikan agihan Skim Dana Wakaf diusulkan bagi mengoptimum dan meluaskan lagi peranan Skim

¹⁶ Kamaruddin Abdullah (2005), "Model Pengurusan Zakat: Kajian Perbandingan di Naggroe Aceh Darussalam dan Selangor Darul Ehsan", (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)); Lihat juga Djoko Kurniawan, "Program Reward dan Kesetiaan Pelanggan" dalam <http://blog.the-marketeers.com/archives/program-reward-dan-kesetiaan-pelanggan.html>, 25 Januari 2011

¹⁷ Awqaf and Minority Affairs Foundation Government of Dubai, <http://www.amaf.gov.ae/amaf/Endowment%20Corner/Polarization%20%20Donations>, 10 November 2010

Dana Wakaf dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Antara cadangan-cadangannya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.3.

Rajah 6.3
Cadangan Penambahbaikan Agihan Skim Dana Wakaf



Sumber: Diubahsuai daripada pelbagai sumber¹⁸

Antara cadangannya adalah menyarankan agar Jawatankuasa Skim Dana Wakaf menyenaraikan badan-badan yang boleh menerima wakaf. Penyenaiaan ini dapat membantu asnaf-asnaf yang layak menerima tampil untuk memohon bantuan daripada Skim Dana Wakaf. Melalui cara ini dapat menarik penyumbang sama ada orang perseorangan atau sektor korporat Islam untuk terus menyumbang wakaf tunai menerusi

¹⁸ Ahmad Syah Firaizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.23-169; Laman Islamic Relief Worldwide, <http://www.islamic-relief.com/Whoware/Default.aspx?deplD=2>, 15 Julai 2010; Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan Bahrom (2008), *op.cit.*, h.63-86; Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h. 113-152; Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, <http://www.amaf.gov.ae/amaf/Endowment%20Corner/Endowment%20Way-Outs>, 10 November 2010; M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h.419-452; lihat juga Laman web Social Investment Bank Limited, http://www.siblb.com/html/cash_waqf_scheme.html, 15 Julai 2010; lihat juga laman web Islamic Bank Bangladesh Ltd (2010), http://www.islamibankbd.com/waqf_cash.php, 15 Julai 2010; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad dan Syarqawi Muhammad (2007), "Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Hartanah di wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)", (Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar On Southern Johor Development: Prospect and Challenges in the 21st Century di The M-Suites, Johor Bharu, pada 27-28 Jun 2007), h.1-30; Agustianto M.Ag (2006), "Wakaf Tunai Dalam Hukum Positif dan Prospek Pemberdayaan Ekonomi Syari'ah", (Kertas kerja dibentangkan pada acara Studium General Stain Kediri, 20 September 2006), h.1-14; lihat juga Dompot Dhuafa Republika (2010), <http://www.dompotdhuafa.org/dd.php?x=wakaf>, 15 Julai 2010; lihat juga Tabung Wakaf Indonesia, http://www.tabungwakaf.com/index.php?option=com_content&view=article&id=12&Itemid=18, 15 Julai 2010; Azri Ahmad (2008), "Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai oleh Yayasan Waqaf Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.2, No.2(4), h.87-98; Nooh Gadot (2006), "Amalan Saham Wakaf di Johor", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006); Megat Mohd Ghazali Megat A. Rahman, Hussin Salamon *et al.* (2006), "Pelaburan Wakaf: Strategi dan Rangka Kerja Perundangan Islam", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur), September 12-14; Monzer Kahf (1998), "Financing The Development of Awqaf Property", (Kertas kerja dalam Seminar on Development of Awqaf, anjuran IRTI, Kuala Lumpur, 2-4 Mac 1998), h.1-46; Mohammad Tahir Sabit (2006), "Innovative Modes Of Financing The Development Of Waqf Property", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

Skim Dana Wakaf. Langkah ini bagi memberitahu dan meyakinkan badan-badan berkenaan bahawa wang yang diperolehi daripada Skim Dana Wakaf akan digunakan dengan sebaiknya untuk kepentingan masyarakat¹⁹.

Penulis juga menyarankan agar Skim Dana Wakaf menubuhkan tabung-tabung khas mengikut tujuan agihan. Tabung-tabung khas sebagai contohnya Tabung Pembangunan Ekonomi, Tabung Pendidikan, Tabung Sanitasi dan Kesihatan dan Tabung Penyelidikan yang secara keseluruhannya turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam Di Pulau Pinang. Pelaksanaan sistem tabung ini telah dilaksanakan oleh institusi wakaf di negara lain, iaitu Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) dan Islamic Relief. Pengkhususan tabung-tabung ini lebih memudahkan Jawatankuasa Skim Dana Wakaf untuk mengerakkan program-program perancangan pembangunan di bawah Skim Dana Wakaf²⁰.

Selain itu, Skim Dana Wakaf juga dicadangkan agar menyediakan projek pembangunan dan kemudahan wakaf untuk komuniti Islam dengan bertemakan "daripada komuniti kepada komuniti". Projek pembangunan ini juga boleh dilaksanakan dengan penggabungan beberapa bentuk wakaf lain dan sebagai contohnya dengan membangunkannya atas tanah-tanah wakaf yang sedia ada. Ini dapat menggalakan penglibatan sumbangan bukan saja dari orang perseorangan malah daripada badan korporat yang semakin prihatin pada hari ini. Tambahan pula, setiap sumbangan mendapat pelepasan cukai pendapatan. Sumbangan ini dapat diperluaskan kepada pembinaan rumah dan tempat aktiviti anak-anak yatim, orang kurang upaya, warga

¹⁹Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*, h.1-16; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.169

²⁰Laman Islamic Relief Worldwide, <http://www.islamic-relief.com/Whoweare/Default.aspx?depID=2>, 15 Julai 2010; Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan Bahrom (2008), *op.cit.*, h.63-86; Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h. 113-152; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.23-24; Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, <http://www.amaf.gov.ae/amaf/Endowment%20Corner/Endowment%20Way-Outs>, 10 November 2010; M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h.419-452; lihat juga Laman web Social Investment Bank Limited, http://www.sibld.com/html/cash_waqf_scheme.html, 15 Julai 2010; lihat juga laman web Islamic Bank Bangladesh Ltd (2010), http://www.islamibankbd.com/waqf_cash.php, 15 Julai 2010

emas, saudara baru, atau pusat-pusat kebajikan dan dakwah. Walau bagaimanapun, penyediaan bantuan dan sumbangan ini perlu dipantau dan teliti dari masa ke semasa supaya dapat diselaraskan dengan kehendak dan keperluan semasa disamping memenuhi keperluan masa kini golongan sasaran²¹.

Selain itu, pelbagai program wakaf baru bagi memanfaatkan Skim Dana Wakaf perlu diperkenalkan. Wakaf tunai mempunyai potensi yang besar dalam membangunkan masyarakat, seharusnya diperluaskan bantuannya. Selain daripada pembinaan masjid dan surau bagi pembangunan kerohanian, wakaf tunai seharusnya lebih menumpukan kepada perancangan pembangunan ekonomi masyarakat Islam. Ini memandangkan potensi wakaf tunai yang cukup besar untuk menjana pendapatan masyarakat Islam. Antaranya dengan membuat perancangan dalam pembelian premis bangunan untuk disewakan kepada usahawan muslim bagi memulakan perniagaan. Kadar sewaan yang lebih rendah dan berpatutan dapat membantu usahawan yang baru berniaga untuk mengurangkan kos perbelanjaan menyewa premis dengan menggunakannya bagi kos-kos lain atau membuat pusingan modal. Di samping itu, Skim Dana Wakaf boleh mengadakan kolaborasi dengan agensi kerajaan seperti PERDA dan YAPEIM, untuk menyediakan pelbagai bantuan dan program latihan bagi membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang terutamanya di bidang industri kecil dan sederhana. Pelaksanaan ini harus dirancang dan diperhalusi dengan baik agar syarat dan rukun wakaf tetap terpelihara²².

²¹ *Ibid.*; Siti Mashitoh Mahmood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad dan Syarqawi Muhammad (2007), *op.cit.*, h.1-30; Agustianto M.Ag (2006), *op.cit.*, h.1-14; M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h. 419-452; *lihat juga* Dompot Dhuafa Republika (2010), <http://www.dompetdhuafa.org/dd.php?x=wakaf>, 15 Julai 2010; *lihat juga* Tabung Wakaf Indonesia, http://www.tabungwakaf.com/index.php?option=com_content&view=article&id=12&Itemid=18, 15 Julai 2010

²² Azri Ahmad (2008), *op.cit.*, h.87-98; *Lihat juga* Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), <http://www.ywm.gov.my/>, 15 Julai 2010; Nooh Gadot (2006), *op.cit.*; Megat Mohd Ghazali Megat A. Rahman, Hussin Salamon *et al.* (2006), *op.cit.*; Monzer Kahf (1998), *op.cit.*, h.1-46; Mohammad Tahir Sabit (2006), *op.cit.*

6.4 Kesimpulan

Jawatankuasa Skim Dana Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan masyarakat Islam. Komitmen dan usaha yang dicurahkan bagi mengembang Skim Dana Wakaf telah berjaya memperluaskan peranan Skim Dana Wakaf dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam. Namun begitu, masih terdapat banyak ruang penambahbaikan khususnya dalam aspek pengurusan pentadbiran, kutipan dan agihan Skim Dana Wakaf yang boleh dilaksanakan oleh Jawatankuasa skim ini, dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengoptimumkan peranan Skim Dana Wakaf dalam pembangunan masyarakat Islam, khususnya di Pulau Pinang. Usaha penambahbaikan ini perlu dilaksanakan secara berterusan memandangkan MAINPP selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf, menggalas tanggungjawab dalam menguruskan harta wakaf dengan baik di samping membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Pengurusan yang berkesan mestilah berdasarkan kehendak syarak dan bersesuaian dengan kehendak pengurusan semasa.²³

Selain itu, usaha meningkatkan kutipan menerusi aktiviti penerangan dan pemasaran perlu dijalankan dari semasa ke semasa agar maklumat berkaitan Skim Dana Wakaf dapat dihebohkan dan disampaikan kepada orang ramai. Ini juga dapat membantu dalam memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai konsep Skim Dana Wakaf. Di samping itu, perancangan strategik dalam pemasaran juga adalah penting agar maklumat yang ingin disalurkan sampai kepada golongan sasaran.

Bagi menarik minat dan menambah keyakinan orang ramai, fungsi Skim Dana Wakaf dalam membangunkan masyarakat Islam di Pulau Pinang perlu ditonjolkan dan diwar-

²³ Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.170

warkan kepada orang ramai. Keyakinan ini penting bagi mendorong mereka untuk turut sama menyumbang dalam aktiviti pembangunan masyarakat Islam di samping mendapat ganjaran pahala yang berterusan. Dengan yang demikian, Skim Dana Wakaf perlu membuat perancangan atau sasaran pembangunan yang spesifik bagi meluaskan dan meningkatkan agihan kepada masyarakat secara berkesan.

Sekiranya Skim Dana Wakaf mempunyai pengurusan dan perancangan yang berkesan, projek-projek pembangunan Skim Dana Wakaf dapat berjalan dengan lebih terurus dan dapat menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan ekonomi, kesihatan, pendidikan dan ibadat bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam, sama ada dari sudut kebendaan mahu pun kerohanian. Adalah menjadi harapan Skim Dana Wakaf berperanan mengimbangi dan mewakili kepentingan besar masyarakat Islam di Pulau Pinang dalam pembangunan ekonomi secara menyeluruh.